

Dr Mahathir 'pandu' kereta api laju Shinkansen di Jepun
Astro Awani
8 Ogos 2018

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang sedang dalam rangka lawatan kerja ke Jepun, mengambil peluang merasai sendiri pengalaman mengendalikan simulator kereta api laju Shinkansen, di The Kyushu Railway Company (JR Kyushu).

"Di kemudahan latihan JR Kyushu semalam, saya mencuba sendiri simulator pemandu Shinkansen (kereta api laju).

"Ia sangat jitu dan mampu mensimulasi mengikut cuaca (hujan, salji) dan siang serta malam," catat Dr Mahathir menerusi akaun Twitter beliau, hari ini.

Video yang dihantar bersama catatan itu menunjukkan Dr Mahathir berada di tempat duduk pemandu sambil mendengar taklimat daripada seorang pekerja terlibat.

Perdana Menteri kini berada di Jepun untuk lawatan kerja empat hari ke Fukuoka dan Oita sejak Isnin.

Beliau turut menyampaikan ucapan tama di Japan Future Leaders School di Fukuoka pada Selasa.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dr-mahathir-pandu-kereta-api-laju-shinkansen-di-jepun-182505>